

02/07/2001

Siasat dalang hingga akar umbi

KEMUNGKINAN bangunan lama, apatah lagi yang sudah berusia 37 tahun, untuk terdedah kepada risiko kebakaran, bukanlah sesuatu yang luar biasa. Bagaimanapun, kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya (UM), awal pagi Jumaat lalu, terselit pelbagai tanda tanya yang tidak memungkinan perbuatan khianat diketepikan begitu saja. Rentetan peristiwa menjelang Simposium Kepimpinan dan Hala Tuju Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dewan bersejarah itu kelmarin, secara tidak langsung menyimpulkan ia terlalu janggal untuk dikatakan sebagai kebetulan semata-mata. Secara terang-terang, ada usaha pihak tertentu yang mempengaruhi pelajar UM dengan pengedaran risalah yang terkandung slogan 'Mahasiswa Bersama-sama Masyarakat' membantah kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadualkan menutup simposium berkenaan.

Sehingga kini, kemungkinan kebakaran DTC adalah angkara perbuatan khianat, masih menjadi persoalan. Hanya hasil siasatan bomba, polis dan Jabatan Kimia yang dapat mengesah atau menidakkannya kemudian. Namun, sama ada pengedaran risalah dan kebakaran itu mempunyai pertalian atau sebaliknya, seperkara yang jelas ialah ada tangan-tangan tersembunyi menghasut dan mengapi-apikan pelajar IPT, termasuk di UM, agar membenci kerajaan. Ke arah itu, mereka tergamak melakukan apa saja - daripada menimbulkan kekacauan hinggalah menyebabkan kemusnahan besar. Matlamat mereka hanyalah untuk menimbulkan keadaan huru-hara bagi menggambarkan kerajaan yang ada tidak lagi berupaya menanganinya dan kesudahannya terpaksa tunduk kepada kehendak dan tuntutan mereka.

Sebagaimana kumpulan Al-Ma'unah sebelumnya dan kumpulan militan yang melakukan rompakan bank serta dikaitkan dengan pembunuhan seorang wakil rakyat, wujud kemungkinan adanya dalang yang bergerak dalam kumpulan berbeza dengan setiap satu memilih haluan sendiri untuk menghuruharakan negara. Apabila kebencian sudah bersarang di hati, lazimnya banyak kemungkinan buruk yang boleh berlaku. Kebencian sesama manusia boleh membawa kepada permusuhan dan perpecahan sambil kebencian kepada kelompok tertentu dalam masyarakat pula boleh mencetuskan kemusnahan tanpa had tertentu. Siapakah mereka ini? Ada juga kecenderungan untuk mengandaikan dalang ini bergerak secara berasingan dengan menyerap di dalam banyak kumpulan masyarakat. Bahayanya harus lebih besar apabila ia membabitkan politik kebencian dengan penyebaran pelbagai dakyah, termasuk menjadikan pensyarah dan pelajar IPT sebagai tali barut mereka.

Kita berasa bimbang perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab ini, jika tidak dibendung, akan terus menular di kampus sehingga boleh menyebabkan lebih ramai pelajar lain terpengaruh. Lebih daripada itu, mereka mungkin terheret dalam kegiatan bercorak militan dengan diperalatkan oleh dalang-dalang ini. Maka, siasatan hingga ke akar umbi hendaklah dilakukan bagi mengenal pasti tangan-tangan tersembunyi ini, baik di kalangan orang dari luar kampus, pensyarah mahupun pelajar sendiri. Sehingga kini, banyak pertubuhan serta individu yang mendakwa mengetahui identiti mereka, tetapi ia tidak akan bermakna apa-apa tanpa maklumat dan bukti dipanjangkan kepada pihak berkuasa agar tindakan dapat diambil. Sebenarnya tiada siapa yang beruntung apabila timbul huru-hara dan ia hendaklah dicegah sebelum keadaan bertambah sukar.

(END)